



Teks Ucapan

YBHG. DATUK SERI MOHD. ZUKI BIN ALI

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Jabatan Perdana Menteri

Sempena

**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (TKSUK)
JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI BULAN SEPTEMBER 2018**

26 September 2018 (Rabu) | 8.30 pagi

Auditorium JPM, Blok B1

Kompleks Jabatan Perdana Menteri

Putrajaya

Terima kasih kepada saudari Pengacara Majlis, Datin Azura binti Mohd. Afandi dari Unit Seranta (FELDA) dan kumpulan koir Seranta FELDA JPM yang dipimpin oleh Encik Muhammad Asyraf Farhan bin Adi Zairi, Pensyarah Universiti Lim Kok Wing yang juga merupakan generasi baharu FELDA Tun Ghafar Machap, Melaka.

Terima kasih juga kepada Encik Mohd. Syahli bin Haji Rapie yang telah memimpin bacaan doa pada pagi ini.

Yang Berbahagian Datuk Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan, Penasihat Undang-Undang, JPM

Yang Berbahagia, Datuk Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Kewangan) JPM

Yang Berusaha Encik Zakaria bin Shaaban
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM

Yang Berusaha Tuan Haji Rosdin bin Abbas, Timbalan Pengarah Kanan Seranta (FELDA) Jabatan Perdana Menteri selaku tuan rumah perhimpunan kita pada pagi ini.

Yang Dihormati Dato'-Dato', Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Tuan-tuan dan Puan-puan serta hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam Negaraku Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk berhimpun lagi dalam Perhimpunan Bulanan ini bagi bulan September 2018 ini. Perhimpunan kali ini amat bermakna pada kita semua kerana pejam celik, pejam celik kita telah mengharungi bulan ke sembilan bagi tahun 2018 ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah menerima Anugerah Penjawat Awam Cemerlang Bulanan (APCB) JPM dan Anugerah Peminjam Buku Terbanyak Perpustakaan JPM bagi bulan Ogos 2018. Semoga pencapaian dan kejayaan yang diperolehi ini dapat menyuntik semangat kepada semua warga kerja JPM yang lain untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan Selamat Datang kepada Pegawai-pegawai baru masuk ke JPM ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai yang bertukar luar sama ada kerana kenaikan pangkat, menyambungkan pengajian dan sebagainya.
4. Tahun 2018 ini, pelbagai pencapaian yang kita telah diperolehi. Ini menunjukkan komitmen, sokongan dan tanggungjawab yang tinggi daripada semua warga JPM.
5. Syabas dan terima kasih saya ucapkan. Saya berharap agar kejayaan-kejayaan yang telah kita kecapai ini dapat sentiasa diteruskan sehingga akhir tahun 2018 ini.
6. Inilah yang kita sebut sebagai budaya peningkatan kejayaan atau budaya kecemerlangan iaitu sentiasa melakukan "*self-development*" dan "*self-improvement*". Perkara ini boleh dicapai hanya melalui (1) penguasaan ilmu dan (2) peningkatan kemahiran serta (3) semangat bekerja secara berpasukan.

7. Apa yang saya sebutkan ini sebenarnya selari dengan apa yang disebutkan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dalam ucapannya sempena Perhimpunan Bulanan Warga JPM pada bulan Ogos yang lalu. Beliau berkata: “*whether you succeed or failed, depends on your culture.*” Pegawai-pegawai kerajaan perlu lebih bertanggungjawab dan hendaklah membuktikan bahawa pegangan mereka ialah kepada nilai-nilai yang mulia, budaya yang menolak segala perbuatan yang tidak baik seperti rasuah dan seumpamanya.
8. Perdana Menteri berkata kita boleh maju seperti Jepun kalau kita mempunyai sifat-sifat yang boleh menyumbang kepada kemajuan. Mereka mempunyai budaya dan nilai-nilai murni yang tertentu. Mereka rajin bekerja, amanah, berusaha, tekun, belajar menguasai ilmu dan sebagainya. Mereka juga mengamalkan apa yang mereka pelajari, mereka juga mengamalkan nilai-nilai hidup yang mulia, yang menjadi sebahagian daripada budaya mereka.
9. Saya juga ingin memetik kata-kata pesanan Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar, Ketua Setiausaha Negara yang baharu bahawa “sebagai institusi tulang belakang negara, penjawat awam mesti berani bertindak untuk meningkatkan kecekapan, akauntabiliti, integriti, tadbir urus, ketelusan, dan etika dalam melaksanakan tugas.” Setiap penjawat awam mesti mempunyai perasaan pemilikan (*sense of ownership*) terhadap tugas dan bukan menganggap “ini tugas aku, itu tugas engkau” dan sebagainya. Penjawat awam mesti mengambil tanggungjawab atas setiap amanah yang telah diberikan.
10. Datuk Seri KSN juga mengingatkan penjawat awam supaya (1) berfikir secara kreatif dan kritis dalam melaksanakan tugas dan bukan hanya mengikut secara membuta tuli (2) penjawat awam mesti memahami pemisahan kuasa di antara badan pemerintah (*executive*), perundangan (*legislative*) dan kehakiman (*judiciary*) bagi memastikan perkhidmatan awam tidak dipertikaikan

dan (3) bertindak pantas dalam tugas berlandaskan prinsip bersih, cekap dan amanah.

11. Penjawat awam ialah pelaksana dasar-dasar dan polisi kerajaan. Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh kerajaan sudah tentulah kerana tonggaknyalah para penjawat awam. Saya ingin tegaskan di sini bahawa dalam apa juga bidang dan lapangan, kita tidak lagi boleh bertolak ansur dengan tahap mediokriti atau “budaya kecincaian”. Pada asasnya, saya ingin tegaskan di sini bahawa ada empat (4) nilai asas yang menjadi pelengkap kepada penjawat awam yang berintegriti.
12. Pertama ialah membudayakan inovasi dan kreativiti. Kita mahu penjawat awam hari ini berfikir di luar kotak. Kita tidak mahu wujudnya budaya “*automation*” dalam sektor awam, iaitu selesa dalam zon selesa sedia ada. Kita mahu budaya berfikir kritis, konstruktif, amanah dan bertanggungjawab.
13. Kedua, mementingkan kepantasan bertindak dan cekap membuat keputusan. Kita tidak sepatutnya melengahkan apa yang boleh kita lakukan hari ini kepada esok atau lusa. Bak kata orang tua-tua, “kerja bertanggung tak akan menjadi, kerja beransur tak akan bertahan”.
14. Ketiga ialah budaya menghargai nilai kewangan dan peruntukan. Sebagai penjawat awam kita tahu kerajaan membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar. Dalam aspek ini, gejala pembaziran, rasuah, penyelewengan, ketirisan, salah urus dan salah tadbir perlu dihapuskan sama sekali. Sebagai penjawat awam, setiap ringgit dan sen mesti memberi pulangan nilai yang paling maksimum dan impak besar kepada kerajaan dan rakyat. Kaedah pengurusan nilai atau *value management* perlu diterapkan dalam setiap pengurusan program dan aktiviti.
15. Keempat ialah nilai integriti. Saya mahu kita semua sedar bahawa perubahan ke arah masyarakat maju bukan saja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi semata-mata, tetapi juga pembangunan dalam aspek sosial, budaya, intelek dan rohani. Fokus terpenting ialah memantapkan etika dan

integriti yang perlu menjadi budaya bagi seorang penjawat awam. Tanpa integriti, keyakinan dan kepercayaan rakyat akan hilang.

16. Saya juga suka mengingatkan bahawa di sebalik apa-apa yang telah saya sebutkan di atas, disiplin diri sebagai penjawat awam adalah sangat penting. Disiplin ini merangkumi setiap aspek zahir dan batin diri penjawat awam. Disiplin ini merangkumi penjagaan masa, ketepatan masa, kekemasan diri, ketelitian kerja, penampilan diri, adab dan akhlak, hormat-menghormati, tolong-menolong serta menjaga pergaulan sesama rakan sekerja.
17. Sebentar tadi, kita telah menyaksikan tayangan video yang memaparkan semangat Hari Kebangsaan. Kita perlu sentiasa menanamkan semangat cinta dan sayang kepada negara kita Malaysia. Apabila ada semangat cinta dan sayang kepada negara, baharulah kita mempunyai rasa untuk berkorban demi negara dan mempertahankan negara ini daripada ancaman musuh. Bukan itu sahaja, bahkan melalui semangat patriotisme ini juga, semua rakyat tidak kira kaum dan keturunan sanggup bekerja keras dan berusaha gigih untuk membangun serta memajukan negara dalam semua aspek kehidupan.
18. Alhamdulillah, kita baharu sahaja meraikan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2018 yang lalu di Putrajaya. Kemudian, pada 16 September 2018 yang lalu, kita meraikan pula sambutan Hari Malaysia di negeri bawah bayu, Sabah.
19. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada sekretariat dan jawatankuasa sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang telah bertungkus-lumus menjayakan kedua-kedua sambutan tersebut. Segala usaha dan jasa mereka sangat-sangat dihargai. Sebagai penjawat awam, kitalah yang mesti ke hadapan dalam menunjukkan rasa cinta dan sayang kita kepada negara kerana kita adalah tonggak dan tulang belakang negara.

20. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Badan Kebajikan dan Sukan JPM yang telah mengatur dan melaksanakan beberapa program mengenai Smabutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ini.
21. Untuk makluman, saya juga telah diberi kesempatan untuk hadir ke Program Ziarah Kemboja pada bulan lepas. Banyak pengalaman dan pengajaran yang dapat diperolehi di sepanjang program ziarah tersebut dan timbul rasa bersyukur kita sebagai rakyat Malaysia.
22. Saya berharap Seranta (FELDA) Jabatan Perdana Menteri dan Unit Kawal Selia FELDA akan terus komited memainkan peranan membantu dan memandu FELDA ini mencapai visi dan misinya.
23. Bagi mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada Seranta (FELDA) Jabatan Perdana Menteri dan Unit Kawal Selia FELDA selaku penganjur bersama dan semua yang terlibat dalam menjayakan program perhimpunan pagi ini dan merupakan penganjuran yang terakhir bagi SERANTA FELDA kerana akan berpindah (mengikut waran) ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Diharapkan agar SERANTA FELDA dapat meneruskan sumbangan yang tinggi kepada kementerian yang baharu nanti.
24. Terima kasih juga kepada warga JPM yang telah hadir ke majlis perhimpunan pada bulan ini. Semoga kita semua beroleh manfaat dan ilmu melalui perhimpunan pada pagi ini. Insya Allah semoga kita berjumpa lagi di masa dan waktu yang akan datang. Sebentar lagi juga kita akan mendengar ceramah daripada YBrs,. Ustaz Haslin Bollywood. Semoga intipati ceramah yang akan disampaikan beliau ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. InsyaAllah.

Sekian. *Wabillahhitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warohmatullohi wabarakatuh.*

26 September 2018